

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 25/09/2007

## Dr. Mahathir kenyitkan mata

UM-25/9/2007

KUALA LUMPUR, 24 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad yang stabil selepas menjalani pembedahan membersihkan tisu luka di Institut Jantung Negara (IJN) kelmarin, hari ini memberikan reaksi kepada keluarganya dengan mengenyitkan mata.

Anak sulung bekas Perdana Menteri itu, Datin Paduka Marina dalam laman blognya menyebut, Dr. Mahathir sedar dan boleh mendengar serta memberi maklum balas kepada keluarga terdekat yang melawatnya.

"Semasa saya melawatnya buat pertama kali selepas pembedahannya pagi ini, saya memberitahu bahawa saya berada bersamanya dan beliau melakukan suatu yang cukup tipikal - mengenyitkan mata.

"Saya berasa seperti mahu menangis dan ketawa pada masa yang sama," kata Marina dalam laman blognya, *rantingsbyimm.blogspot.com*, pagi ini.

Semalam, Dr. Mahathir, 81, dilaporkan berada dalam keadaan stabil selepas melalui pembedahan tiga jam dengan 72 jam seterusnya dianggap tempoh yang genting.

Marina berkata, Dr. Mahathir bukannya tidak sedarkan diri, tetapi doktor meletakkan beliau dalam keadaan separa sedar.

"Pada masa ini, mereka (dokter) berpuas hati dengan keadaannya tetapi mereka bersikap berhati-hati kerana ia merupakan suatu yang perlu ditangani dari sehari ke sehari," ujar beliau.

Sementara itu, IJN dalam satu kenyataan malam ini berkata, Dr. Mahathir sudah sedar dan keadaannya sedang dipantau rapi.

Para doktor di IJN gembira dengan kemajuan yang ditunjukkan Dr Mahathir dan bekas Perdana Menteri itu sudah boleh menerima kunjungan anggota keluarga terdekat.

"Keadaan Dr. Mahathir stabil dalam Unit Rawatan Rapi IJN selepas menjalani prosedur pembedahan kedua pada Sabtu lalu," menurut kenyataan itu.